

Headline	Pisah TNB kepada 5 entiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B1	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,550



'Pisah TNB kepada 5 entiti'

» Cadangan bagi tingkat kecekapan operasi firma

Oleh Shahrizan Salian
 ▀ Petaling Jaya

Suruhanjaya Tenaga mengemukakan cadangan supaya Tenaga Nasional Bhd (TNB) dipisahkan kepada lima entiti berlainan di bawah inisiatif Kawal Selia Berdasarkan Insentif (IBR) bagi meningkatkan kecekapan operasi firma utiliti nasional itu.

Bagi merealisasikan cadangan itu, Suruhanjaya Tenaga yang menyelia inisiatif IBR kini dalam proses rundingan dengan beberapa pihak berkepentingan, mengenai cadangan pemisahan yang akan menyaksikan TNB beroperasi di bawah lima entiti berasingan untuk memudahkan akaun setiap unit perniagaan berkenaan dipantau.

IBR adalah rangka kerja penetapan tarif elektrik baru Suruhanjaya Tenaga yang menyoar meningkatkan tadbir urus kawal selia industri tenaga domestik, di samping memberikan insentif kepada TNB untuk meningkatkan kecekapan operasinya.

Ujian selama setahun inisiatif IBR sepatutnya bermula pada September lalu, namun pelaksanaannya ditangguh-

kan kerana kerajaan perlu memberi keutamaan terlebih dulu kepada pengurangan subsidi bahan bakar.

Difahamkan, di bawah IBR, Suruhanjaya Tenaga sudah mengemukakan cadangan yang menggunakan model pasaran terurus untuk mengasingkan TNB kepada lima entiti perniagaan manakala pengeluaran tenaga bebas (IPP) pula akan membentuk entiti keenam.

Pembeli tunggal

Di bawah model pasaran terurus, lima entiti perniagaan TNB itu ialah 'Pembeli Tunggal' atau 'Single Buyer' yang merangkumi fungsi jabatan pemerolehan tenaga sedia ada, penjanaan, transmisi, pengendali sistem dan perkhidmatan pelanggan.

Model berkenaan dipilih kerana konsisten dengan operasi semasa TNB, berupaya meningkatkan ketelusan antara operasi penjanaan TNB dan IPP serta bertepatan ca-

dangan Pejabat Pengurusan Projek (PMO).

Pengarah Kanan Bahagian Kawal Selia Pasaran dan Bekalan Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Ir Azhar Omar, berkata matlamat utama rancangan pemisahan TNB itu adalah untuk memacu tahap kecekapan firma ke tahap yang lebih tinggi terutama dari segi kos perbelanjaannya.

"Setiap entiti akan diberi set Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan penalti boleh dikenakan jika sasaran yang ditetapkan gagal dicapai.

"Sebenarnya, pengasingan akaun TNB sudah dilaksanakan sejak 2011 lagi. Proses pemisahan kepada lima entiti hanya akan dibuat selepas kerajaan memberi 'lampu hijau' dan bila ia berlaku, masih bergantung kepada proses rundingan," katanya ketika di-

temui di luar Forum Umum Mengenai Pembaharuan Sektor Elektrik Malaysia anjuran Institut Kajian Strategik dan

Antarabangsa (ISIS) di sini, semalam.

Beliau sebelum itu menjadi ahli panel pada sesi bertajuk 'Keperluan Semakan Semula Tarif Elektrik dan Kesannya.'

Mudahkan justifikasi

Azhar berkata, cadangan pemisahan TNB kepada lima entiti berasingan itu bagi memudahkan firma berkenaan memberi justifikasi kepada perbelanjaan yang dibuat setiap operasi perniagaannya pada masa akan datang.

"Sebagai contoh, setiap entiti TNB berkenaan mesti menyatakan sebab mengapa mereka perlu membelanjakan sejumlah kos operasi tertentu untuk tempoh empat atau lima tahun yang akan datang," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan, TNB mempunyai tugas sukar antara memenuhi sasaran Khazanah Nasional supaya mengoptimumkan keuntungan tetapi pada masa sama mengimbangi keperluan pengguna.

"Menerusi langkah pemisahan berkenaan, TNB boleh beroperasi dengan cara yang lebih cekap lagi," katanya.

Headline	Pisah TNB kepada 5 entiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B1	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,550

“
Setiap entiti
diberi KPI
dan **penalti**
dikenakan jika
sasaran gagal
dicapai”

Azhar Omar,
Pengarah Kanan
Bahagian Kawal
Selia Pasaran dan
Bekalan Elektrik
Suruhanjaya Tenaga



TNB sentiasa
mengambil langkah
proaktif bagi
mengoptimumkan
keuntungan tetapi
pada masa sama
mengimbangi
keperluan
pengguna.

[GAMBAR HIASAN]